

NO. SOALAN: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS

TARIKH : 27 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10375

SOALAN:

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :

- (a) cara mana E-Card (*Enforcement Card*) berkesan dalam menangani kebanjiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI); dan
- (b) jumlah pendatang asing tanpa izin yang telah pun tampil mendaftar di bawah program ini berbanding kaedah lama pengesahan PATI dan anggaran yang belum mendaftar.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Program E-Kad dibuka kepada pekerja asing yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah untuk memohon dokumen melalui kedutaan bagi membolehkan majikan mendaftar pekerja tersebut secara sah dan seterusnya memenuhi permintaan industri di 5 sektor yang dibenarkan.

Jabatan Imigresen Malaysia telah berjaya mendaftarkan seramai 164,804 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) menerusi Program E-Kad yang hanya sah diperakukuan dari 15 Februari 2017 hingga 15 Februari 2018.

Jumlah sebenar PATI dan negara asal mereka yang berada di Malaysia adalah sukar untuk diketahui. Semua warganegara asing yang masuk melalui pintu masuk yang telah diwartakan merupakan pendatang asing yang sah dan memenuhi syarat-syarat imigresen yang ditetapkan seperti Pas Lawatan Sosial.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : JAWAB LISAN****DARIPADA : Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah
[Kubang Kerian]****TARIKH : 27 NOVEMBER 2017 (ISNIN)****SOALAN : 49****PR-1353-L03827**

Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan selaras dengan pengumuman oleh Perdana Menteri baru-baru ini berkaitan dengan sejumlah 5,800 lokasi hotspot wifi TM percuma di seluruh negara yang akan berakhir pada hujung tahun ini, bilakah sebenarnya tawaran khidmat itu bermula serta berapa lokasikah yang di khususkan untuk negeri Kelantan dan di mana.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri berkenaan penawaran perkhidmatan WiFi secara percuma kepada rakyat pada 25 September 2017 yang lalu,

perkhidmatan ini telah pun ditawarkan di beberapa lokasi terpilih di seluruh negara.

Bagi negeri Kelantan, sehingga kini terdapat 511 access point (AP) yang telah disediakan. Pihak TM juga di dalam perancangan untuk menambah bilangan AP sedia ada di negeri Kelantan bagi membolehkan para pengguna mendapat liputan wifi dengan lebih meluas.

Fokus pemasangan akan diberikan di kawasan lokasi-lokasi yang strategik dan tumpuan orang ramai seperti hospital, universiti dan kolej, hab pengangkutan awam dan juga pejabat-pejabat kerajaan.

Lokasi terpilih pula adalah meliputi kawasan di sekitar bandar Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah, Pasir Puteh, Machang, Pengkalan Chepa, Wakaf Bharu, Kubang Kerian, Kuala Krai dan Pengkalan Kubor.